

Tindakan Afrika Selatan terhadap Israel berdasar keyakinan moral

Putrajaya: Afrika Selatan mengambil tindakan undang-undang di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) terhadap Israel berhubung konflik di Semenanjung Gaza berasaskan keyakinan moral seperti dilalui ketika menentang dasar apartheid.

Presiden Afrika Selatan, Matamela Cyril Ramaphosa, berkata keadaan yang menimpa penduduk Gaza ibarat satu bentuk pembunuhan beramai-ramai yang berlaku di depan mata dunia.

“Apabila kami melihat pembunuhan beramai-ramai yang sedang berlaku di Gaza, kami berasakan wajar untuk bertindak sebagaimana dunia pernah bertindak menentang apartheid,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas sambutan rasmi sempena lawatan ke Malaysia di sini, semalam.

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia dan Afrika Selatan bersetuju memperluas kerjasama serta membuka ruang ba-



haru dalam sektor strategik termasuk semikonduktor, halal, pertanian dan pertahanan.

Beliau berkata, langkah itu selaras dengan strategi Malaysia untuk memperkukuh hubungan perdagangan dengan rakan baharu sambil mengekalkan perjanjian sedia ada, di samping memperluas fokus ekonomi melalui kerjasama dalam rangka BRICS serta rantau Afrika dan Amerika Latin.

“Kedua-dua pihak bersetuju kita perlu memperkukuh kerjasama. Strategi Malaysia memperluas jalinan dengan rakan dagang baharu sambil mengekalkan perjanjian sedia ada.

“Kita juga bersetuju untuk memperluas perdagangan intra-ASEAN dan tumpuan di Asia, serta melalui platform BRICS, kita kini komited memperkukuh hubungan perdagangan dengan Afrika dan Amerika Latin,” katanya.



Anwar bersama Cyril Ramaphosa disambut persembahan tradisional ketika tiba di pekarangan Kompleks Seri Perdana Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)